

Headline	Tabung Haji bayar bonus RM3.2b		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	40,000
Page No	19	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	248 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,772
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,316



# Tabung Haji bayar bonus RM3.2b

LEMBAGA Tabung Haji (TH) mengumumkan bonus pen-deposit bagi tahun kewangan 2014 merangkumi 6.25 peratus bonus tahunan dan tambahan bonus haji sebanyak 2 peratus.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata pembayaran kedua-dua bonus itu berjumlah RM3.2 bilion, meningkat 23 peratus berasaskan tahun 2013.

Ia akan dimanfaatkan oleh hampir 8.6 juta akaun pen-deposit TH yang aktif.

"Keuntungan bersih selepas zakat TH mencecah RM3.3 bilion berbanding RM2.6 bilion pada 2013, peningkatan 2.4 peratus.

"Prestasi ini menunjukkan peningkatan lebih lima kali ganda keuntungan sejak tahun 2006," katanya meng-umumkan prestasi kewangan TH, semalam.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif TH Tan Sri Ismee Ismail berkata untuk tahun ini, TH akan lebih memfokuskan kepada pelaburan dalam negara berikut ketidak-tentuan pasaran luar negara.

"Kami melakukan pelaburan berdasarkan lokasi aset tertentu kami, dan saya percaya apa yang berlaku hari ini dengan kejatuhan nilai ringgit dan penurunan harga minyak mentah, kami perlu mengalih tumpuan pelaburan kami ke pasaran domestik tahun ini.

"Kami cuba untuk tidak membuat aliran keluar dana dan pelaburan domestik kita ditumpukan terutamanya bagi ekuiti, sekuriti hutang, syarikat-syarikat amanah pelaburan hartanah (REITs), dan pasaran wang dan instrumen ke-wangan," katanya.

Ismee berkata pelaburan aset di luar negara TH telah menyumbang kira-kira lima peratus kepada jumlah hasil pada tahun lepas.

Tahun lepas, pendapatan TH berjumlah RM3.29 bilion, rendah sedikit daripada RM3.73 bilion yang dicapai pada tahun 2013.

Berhubung proses pem-binaan Kompleks Haji di KLIA di Sepang, Ismee ber-kata ia dijangka siap per-tengahan 2016. -Bernama



Jamil Khir (dua kanan) menyempurnakan Majlis Pengumuman Bonus Pendeposit Tabung Haji (TH) 2014 di sini, semalam.